

KERTAS PEKELILING KEPADA AHLI BERKENAAN RESOLUSI 4 (b)

CADANGAN PERUNTUKAN 12% DARIPADA AIN WAKAF TERKUMPUL AWQAF HOLDINGS BERHAD DARIPADA TAHUN 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

1.0 PENDAHULUAN

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Berhad ("AWQAF") BIL 2/2020 pada 13 Ogos 2020 telah mencadangkan peruntukan 12% daripada ain wakaf diselaraskan ke atas jumlah kutipan wakaf terkumpul sejak tahun 2012 sehingga 31 Disember 2020 sebagai proses rekonsiliasi akaun.

Ini adalah kerana tidak terdapat pemakluman dahuluan kepada para pewakaf sedia ada akan peruntukan tersebut dalam akad wakaf yang berlaku sebelum 31 Disember 2020.

Kertas ini disediakan untuk memberi penerangan dan informasi, serta mendapatkan persetujuan Ahli AWQAF berkenaan Cadangan Peruntukan 12% daripada ain wakaf terkumpul AWQAF daripada tahun 2012 sehingga 31 Disember 2020.

2.0 KETERANGAN IMPAK PERUNTUKAN 12% AIN WAKAF BAGI KUTIPAN WAKAF SEHINGGA 31 DISEMBER 2020 UNTUK KOS PENGURUSAN HARTA WAKAF

Kertas cadangan ini menunjukkan kesan perubahan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan AWQAF Holdings Berhad pada 31 Disember 2020. Peruntukan 12% ke atas kutipan wakaf terkumpul sehingga 31 Disember 2020 akan mengurangkan jumlah Modal Wakaf Korporat Terkumpul (Ain Wakaf) dan mengurangkan jumlah Kurangan Terkumpul.

	PADA 31 DISEMBER 2020 SEBELUM 12%	PADA 31 DISEMBER 2020 SELEPAS 12%	+/-
MODAL WAKAF KORPORAT	RM 12,707,402	RM 11,182,874	(RM 1,524,528)
KURANGAN TERKUMPUL	RM (6,623,798)	RM (5,099,270)	RM 1,524,528

Jadual 1

Daripada Jadual 1 di atas, sebanyak RM 1,524,528 (12%) akan diperuntukkan untuk kos pengurusan AWQAF Holdings Berhad.

3.0 KELULUSAN AHLI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Cadangan ini memerlukan persetujuan Ahli AWQAF pada Mesyuarat Agung Tahunan 2021 di mana satu resolusi perlu diluluskan agar ain wakaf terkumpul AWQAF Holdings Berhad diperuntukkan sebagai kos pengurusan harta wakaf daripada tahun 2012 sehingga 31 Disember 2020, dan peruntukan ini akan berkuatkuasa secara serta merta.